

Headline	Pasukan mana juara MHL 2024? THT belum kibar bendera putih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Sukan	Page No	47,48
ArticleSize	402 cm <sup>2</sup>	Journalist	ADAM ZAMRI
PR Value	RM 49,314		



# Pasukan mana juara MHL 2024?

Oleh **ADAM ZAMRI**  
adam.karim@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Penentuan pasukan mana yang bakal dimahkotakan sebagai juara Liga Hoki Malaysia (MHL) 2024 bakal terjawab hari ini.

Ini selepas tiga pasukan teratas iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB), Maybank dan Pasukan

Hoki Terengganu (THT) akan turun dalam aksi terakhir MHL 2024 petang ini.

THT yang sebelum ini dilihat berpotensi mengekalkan kejuaraan mereka terpaksa berputih mata selepas diikat Nurinsafi Sporting 4-4, kelmarin.

Keputusan itu menyaksikan persaingan liga semakin rancak apabila ketiga-tiga pasukan kini

berkongsi 23 mata dalam carta MHL 2024.

Bagaimanapun, jumlah jaringan yang besar selepas beberapa kali membelasah lawan memberikan kelebihan buat TNB kendalian Nor Saiful Zaini berada di puncak.

TNB berpeluang untuk menamatkan penantian lebih sedekad untuk kembali men-

julung kejuaraan MHL apabila dijadualkan bertemu pasukan tercorot, JM Antsbees.

Sementara itu, THT dan Maybank akan membuat perhitungan sesama mereka dengan hasrat mampu memintas kedudukan TNB, namun perlu menang dengan jumlah gol yang banyak.

Jika TNB menang, kejuaraan bakal menjadi milik mereka,

dan ia bakal menjadi trofi kedua mereka musim ini selepas merangkul Piala Sumbangsih pada awal musim ini.

Bagaimanapun, jika TNB keciciran mata dalam aksi terakhir liga itu, THT dan Maybank berpeluang untuk dinobatkan sebagai juara musim ini.

**Lagi berita muka 47**

Headline	Pasukan mana juara MHL 2024? THT belum kibar bendera putih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Sukan	Page No	47,48
ArticleSize	402 cm <sup>2</sup>	Journalist	ADAM ZAMRI
PR Value	RM 49,314		

## THT belum kibar bendera putih

**PETALING JAYA:** Penyandang juara Liga Hoki Malaysia (MHL), Pasukan Hoki Terengganu (THT) enggan mengalah biarpun peluang mereka untuk mempertahankan kejuaraan musim ini dilihat terlalu tipis.

THT yang pada awalnya memiliki kelebihan untuk menjadi juara sekali lagi berputih mata selepas diikat 4-4 oleh Nurinsafi Sporting, kelmarin di Stadium Hoki Bertam, Pulau Pinang, sekaligus kecingiran mata.

Jurulatih THT, Mohd Harfizi Baharim menjelaskan pertemuan menentang Maybank pada petang ini adalah satu tugas yang mencabar, memandangkan lawan juga sedang mengintai untuk menjadi juara MHL.

“Situasi di kem THT ketika ini agak sugul kerana kami amat kecewa dengan keputusan menentang Nurinsafi. Cuma kita tidak boleh terlalu lama sangat memikirkan perlawanan itu.

“Bagi saya amat merugikan kerana kami tercicir mata, kerana perbezaan gol memberikan peluang buat besar buat TNB untuk menjadi juara liga.

“Keajaiban tidak mustahil,



**PASUKAN Hoki Terengganu (THT) terlepas peluang untuk melebarkan jurang dalam Liga Hoki Malaysia (MHL) 2024 selepas diikat Nurinsafi Sporting 4-4 dalam aksi yang berlangsung di Stadium Hoki Bertam, Pulau Pinang, kelmarin. - IHSAN MHC**

seperti kami tanpa diduga diikat Nurinsafi, tidak mustahil keputusan sama mampu dilakar JM Antsbees ke atas TNB,” kata Harfizi kepada dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Biarpun harapan untuk merangkul kejuaraan liga tipis,

THT masih berpeluang untuk merebut satu lagi kejuaraan iaitu Piala TNB yang membabitkan empat pasukan teratas liga.

Untuk rekod, THT merupakan penyandang Piala TNB selepas menumpaskan TNB dalam perlawanan akhir tahun lalu.